

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 MEI 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

Kerajaan tubuh C4IR: Menyokong aspirasi peneraju ekonomi digital serantau



TENGKU ZAFRUL (empat dari kanan) ketika menghadiri Mesyuarat WEF di Davos, Switzerland.

Menyokong aspirasi peneraju ekonomi digital serantau

Kerajaan tubuh C4IR

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA — Kerajaan semalam mengumumkan penubuhan Pusat Revolusi Perindustrian Keempat (C4IR) iaitu sebuah pusat bebas di bawah Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Kementerian Kewangan (MOF) dalam kenyataan berkata, tujuan penubuhan C4IR adalah untuk menyokong pencapaian wawasan menyeluruh negara di bawah Dasar 4IR serta Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

Katanya, penubuhan C4IR akan membantu mempercepatkan penggunaan teknologi yang akan menjamin pertumbuhan lebih saksama, inklusif dan mampan untuk negara apabila ekonomi pulih daripada pandemik Covid-19.

"Penubuhan pusat tersebut yang pertama di Asia Tenggara menunjukkan komitmen kerajaan ke arah mengutamakan

teknologi sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi dan pemulihan pasca pandemik serta menyokong aspirasi untuk menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital.

"C4IR akan ditubuhkan secara rasmi dan akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada separuh kedua 2022," katanya semalam.

Pada masa sama, MOF berkata, penubuhan C4IR diumumkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz sempena Mesyuarat WEF yang diadakan pada pada 23 Mei sehingga hari ini.

"C4IR akan menjadi sebahagian daripada rangkaian global WEF untuk kerjasama pelbagai pihak bagi merealisasikan faedah teknologi baru muncul dan inovatif.

"Melalui rangkaian pusat sedia adanya di serata dunia, C4IR merintis model tangkas dan ber-

paksikan kemanusiaan dalam pembangunan dan pelaksanaan dasar yang berfokuskan teknologi," katanya.

MOF berkata, sebaik sahaja ditubuhkan, C4IR akan diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dengan program yang akan dirangka dan dilaksanakan dengan kerjasama MOF, Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Jelasnya, WEF juga akan terus memainkan peranan kolaboratif dalam pengoperasian C4IR.

Katanya, pemanfaat utama agenda 4IR Malaysia termasuk golongan belia melalui akses yang lebih baik kepada kaedah pembelajaran dan peningkatan kemahiran yang dikuasakan Edu-tech; perusahaan sosial yang meyelesaikan isu sosio-ekonomi, memudahkan penggunaan digital serta merapatkan jurang digital bandar dan luar bandar.